



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2004/2005

NAMA MATAPELAJARAN	:	PROSEDUR KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD MATAPELAJARAN	:	BKA 4053
KURSUS	:	5BKA, 5BKC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	MAC 2005
JANGKA MASA	:	2 1/2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN TIGA (3) SOALAN DI BAHAGIAN B.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1** (a) Jutawan Hartanah Amerika Syarikat, Donald Trump bercadang membangunkan satu projek mega 'Trump International Hotel & Tower' berkeluasan 23,000 meter persegi di sepanjang Sungai Chicago yang akan mempunyai 472 unit kondominium, 240 unit hotel-kondominium, 900 tempat letak kereta, pusat kesihatan seluas 5,400 meter persegi, pusat persidangan dan ruang niaga. Projek ini dijangkakan yang terbesar dan termahal di Chicago selepas pembinaan Sears Tower.

Anda sebagai salah seorang perantis di syarikatnya diminta memberikan cadangan kaedah-kaedah anggaran yang sesuai untuk membantu beliau membuat ramalan kos pembinaan di peringkat awal. Anggaran ini sangat penting kerana ia bersifat sebagai asas atau petunjuk kepada beliau untuk melihat adakah kos projek ini adalah dalam kemampuannya dan seterusnya membuat keputusan sama ada untuk meneruskan projek ini atau sebaliknya.

(8 markah)

- (b) Bagi menghitung kos kerja konkrit di sesuatu lokasi, suatu keputusan berkenaan loji / peralatan dan pekerja yang hendak digunakan perlu dibuat. Dalam kes ini, adalah diputuskan maklumat berikut akan digunakan:

Loji / peralatan

- (i) Sebuah kren dan dua (2) buah takungan pada RM175.00 sehari
- (ii) Penggetar dan peralatan kecil pada RM30.00 sehari

Pekerja

- (i) Geng pekerja terdiri satu geng dan lima (5) buruh
- (ii) Upah buruh = RM72.00 sehari
- (iii) Upah geng = RM78.00 sehari
- (iv) Upah operator kren = RM88.00 sehari

Kos menyediakan konkrit menggunakan trak penggaul (ready mix trucks) ialah RM70.09 per meter padu dengan 10% diperuntukkan untuk pembaziran.

Hitung kos bagi seorang kontraktor meletakkan konkrit di dalam asas menggunakan maklumat loji dan pekerja di atas. Purata saiz tuangan konkrit ialah 70 meter padu sehari.

(8 markah)

- (c) **Rajah S1(a) hingga S1(c)** menunjukkan Rumah Permata di Taman Orkid, Hutan Bandar, Johor Bahru. Berdasarkan rajah-rajah tersebut dan maklumat tambahan seperti dalam **Jadual S1(a)** dan **Jadual S1(b)** hitung kos membina asas pad bagi Rumah Permata tersebut.

(24 markah)

BAHAGIAN B

- S2 (a) Jika keadaan-keadaan tertentu menyebabkan sesuatu kontrak menjadi mustahil untuk dilaksanakan sama ada di peringkat awal atau setelah pelaksanaan syarat dibuat, kontrak tersebut dikatakan kecewa dan pihak berkontrak terlepas dari obligasi selanjutnya. Terangkan **lima (5)** keadaan yang boleh mengecewakan kontrak seperti yang diiktiraf oleh mahkamah.

(10 markah)

- (b) Remedi adalah satu cara yang diberikan oleh undang-undang untuk menguatkuasakan sesuatu hak atau bagi mendapatkan pampasan berbentuk wang bagi menggantikan pelaksanaan kontrak berkaitan.

Bincangkan bentuk-bentuk remedi yang boleh diperolehi beserta contoh aplikasi di dalam sesuatu projek pembinaan.

(10 markah)

- S3 Masalah berkaitan isu keselamatan pembinaan semakin mendapat perhatian pelbagai pihak di dalam industri binaan dan pelbagai cadangan dan pelan tindakan dikemukakan untuk menangani masalah ini.

- (a) Bincangkan 'Order of Precedence'; iaitu **lima (5)** langkah yang dicadangkan oleh David (1995) untuk mengurangkan risiko yang dihasilkan oleh sesuatu bahaya dalam konteks keselamatan pembinaan.

(10 markah)

- (b) Cadangkan elemen-elemen asas bagi memastikan sesuatu program keselamatan yang efektif dapat dilaksanakan.

(10 markah)

- S4 Pilih salah satu dari jenis kaedah pemerolehan di bawah:

(a) 'Management Contract'

(b) 'Design and Build'

dan bincangkan perkara-perkara berikut:

- (i) Ciri-ciri
- (ii) Kesesuaian penggunaan
- (iii) Kelebihan dan kelemahan berbanding Pemerolehan Tradisional


(20 markah)

- S5 (a) Terangkan dengan ringkas maksud “Perubahan Kerja” (2 markah)
- (b) Bincangkan **tiga (3)** faktor yang menyebabkan sesuatu perubahan kerja boleh berlaku. Sertakan contoh yang bersesuaian. (6 markah)
- (c) Senaraikan **enam (6)** faktor yang membolehkan kontraktor mendapat lanjutan masa. (6 markah)
- (d) Di dalam suatu projek pembinaan, didapati kemajuan kerja kontraktor telah lewat dan kontraktor tersebut sedang memohon untuk mendapatkan lanjutan masa. Dalam konteks kontrak binaan, jika lanjutan masa tidak diberikan, apakah kesannya kepada kontraktor tersebut? (6 markah)

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEMESTER II 2004/2005
MATA PELAJARAN : PROSEDUR KONTRAK
DAN TAKSIRAN

KURSUS : 5BKA, 5BKC
KOD MATA PELAJARAN : BKA 4053




Rajah S1(a) – Pelan susunatur sebahagian Projek Taman Orkid


PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEMESTER II 2004/2005
 MATA PELAJARAN : PROSEDUR KONTRAK
 DAN TAKSIRAN

KURSUS : 5BKA, 5BKC
 KOD MATA PELAJARAN : BKA 4053



Rajah S1(b) – Pelan lantai bawah Rumah Permata



Rajah S1(c) – Spesifikasi asas tapak

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEMESTER II 2004/2005
 MATA PELAJARAN : PROSEDUR KONTRAK
 DAN TAKSIRAN

KURSUS : 5BKA, 5BKC
 KOD MATA PELAJARAN : BKA 4053

Jadual S1(a) – Jadual pertukaran unit bagi tetulang besi bulat

ROUND BAR					
Size (mm)	Cross Sectional Area (mm ²)	Mass per Unit Length (Kg/m)	Mass per 12M Run (Kg)	No. of Bars Per. Bundle	Mass Per Bundle (MT)
09	63.6	0.499	5.99	168	1.006
10	78.5	0.616	7.39	138	1.020
12	113.1	0.888	10.66	96	1.023
16	201.1	1.579	18.95	54	1.023
20	314.2	2.466	29.59	34	1.006
22	380.1	2.984	35.81	28	1.003
25	490.9	3.854	46.25	22	1.017
28	615.8	4.834	58.00	18	1.044
32	804.2	6.313	75.76	14	1.061
40	1256.6	9.864	118.40	9	1.066

Jadual S1(b) – Kadar harga kerja

Huraian Kerja	Kadar harga
Korekan lubang tidak melebihi kedalaman 1.5 m	RM 3.00 / m ³
Konkrit 'lean' tebal 50 mm	RM 5.50 / m ²
Konkrit (VRC) Gred 25	RM 175 / m ³
Besi tetulang tegasan tinggi diameter 16 mm	RM 1.60 / kg
Acuan (kotak bentuk)	RM 18.00 / m ²